

| | | | |
|------------|----------------|---------|----------------|
| TARIKH | 13 / 08 / 2014 | SEKSYEN | KUALA SELANGOR |
| MUKA SURAT | 47 | RUANGAN | |

Jemaah haji Malaysia beruntung

Keajaikan dijaga berbanding negara luar, kerajaan sedia khidmat kakitangan perubatan berpengalaman

TANJONG KARANG - Kerajaan sentiasa prihatin dengan keperluan jemaah haji yang akan menuaikan ibadah di Mekah bermula hujung bulan ini termasuk penyediaan khidmat doktor dan jururawat berpengalaman yang disediakan Lembaga Tabung Haji (TH).

Pengerusi Majlis Pembangunan Persekutuan Negeri Selangor, Datuk Seri Noh Omar berkata, keperluan jemaah haji cukup diambil berat berbanding negara lain supaya mereka selesa separang beribadah di sana.

Menurutnya, jemaah haji sendiri boleh membandingkan perbezaan kemudahan yang disediakan kerajaan melalui TH berbanding jemaah negara luar sehingga mereka boleh menjadinya sebagai ikhtiar.

"Betapa beruntungnya jemaah dari Malaysia yang sentiasa dijaga dengan baik oleh kakitangan TH dari segi keajaikannya, keshatannya sehingga ada bantuan untuk mengeluarkan wang di sana.

"Memang saya tak nafikan ke mudahan ini memang tak terdapat



Noh menyampaikan sumbangan telekung dan kain ihram kepada bakal jemaah haji yang diraikan sempena majlis rilangka di Tali Air 1, semalam.

di negara lain dan banyak manfaat dinikmati jemaah haji Malaysia untuk meneruskan ibadah dengan se-

lesa," katanya selepas menyampaikan sumbangan kain ihram dan telekung kepada 83 penduduk yang

bakal menuaikan haji di Tali Air 1, di sini semalam.

Hadir sama, Adun Bukit

Melawati yang juga Pengerusi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Selangor, Jakiran Jacomah, Pengarah Pengurusan Pembangunan Kawasan Pertanian Bersepadu (IADA) Barat Laut Selangor, Eliyas Saad dan Pengerusi Ahli Lemba Pengarah PPK Tanjung Karang, Sahri Siwer.

Noh yang juga Ahli Parlimen Tanjung Karang berkata, sudah menjadi tradisi hampir 20 tahun pihaknya memberi sumbangan berbentuk kain ihram, telekung, Yasin, duit poket dan kain kepada semua bakal haji di Parlimen Tanjung Karang.

"Inisiatif ini diambil sebagai tanda ingatan saya kepada penduduk dan menjadi pengganti diri kerana tidak dapat berkunjung ke rumah mereka sebelum berlepas ke tanah suci Mekah.

"Saya juga minta mereka doakan negara kita terus terpelihara, aman serta kesejahteraan akan terus kekal. Saya juga berharap bakal haji ini dapat menuaikan haji dengan sempurna dan mendapat haji yang mabru," katanya.